

Dua terima biasiswa IES-Mendaki

Oleh **NURUL 'AIN RAZALI**
nrzali@sph.com.sg

DUA pelajar Melayu/Islam berjaya meraih anugerah biasiswa Institusi Jurutera Singapura (IES)-Yayasan Mendaki dalam satu majlis sambutan ulang tahun ke-43 institusi itu semalam.

Mahasiswa tahun ketiga sarjana muda kejuruteraan Sains Komputer Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Encik Ahmad Hafiz Ismail, 24 tahun, menerima hadiah wang tunai \$2,000 sementara pelajar tahun ketiga Politeknik Singapura (SP) dalam bidang Elektrikal dan Kejuruteraan Elektronik, Encik Nur Muhammad Azaman, 20 tahun, pula menerima \$1,500.


Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Lim Hng Kiang, merupakan tetamu terhormat di majlis yang diadakan di Hotel Shangri-La itu.

Turut hadir ialah Presiden IES yang juga Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio, Cik Lee Bee Wah.

Encik Nur Muhammad menganggap biasiswa itu sebagai ganjaran atas segala titik pehuh selama ini.

"Ia menguatkan lagi keyakinan dalam diri bahawa saya boleh melakukannya dengan lebih baik lagi," ujarnya yang pernah gagal dalam pelajaran hingga tersangkut selama setahun di menengah tiga.

Menurut Encik Nur Muhammad, yang kini



CEMERLANG DALAM PELAJARAN: Encik Ahmad Hafiz Ismail (*kiri*) dan Encik Nur Muhammad Azaman terpilih kerana berjaya mencatatkan prestasi cemerlang di universiti dan politeknik masing-masing. –
Foto KHALID BABA

mengambil pengkhususan dalam bidang *aerospace*, beliau banyak 'bermain' semasa di sekolah menengah.

Menyedari kecuaiannya tidak akan membawanya ke mana-mana, beliau kembali menumpukan perhatian pada pelajaran.

Berkat kesungguhannya, beliau berjaya mencatatkan 14 mata agregat di peringkat GCE 'O'.

"Sehingga kini saya bertanya kepada diri saya mengapa saya ditahan. Pada saat itu, saya tidak mahu lagi menghampakan ibu bapa saya.

"Saya harus belajar daripada kesilapan dan amat berterima kasih kepada pihak Mendaki yang sedia menyokong pelajar Melayu/Islam,"

ujarnya yang kini meraih gred kepujian dan 'A' dan hanya satu gred B sejak memulakan pembelajaran di SP.

Bagi Encik Ahmad Hafiz, yang sangat cenderung dalam rekaan laman Internet dan pengatur rancangan komputer (*internet programming*), beliau sama sekali tidak menyangka akan berjaya mendapatkan anugerah biasiswa itu.

Anak kelima daripada tujuh beradik itu merancang menggunakan wang tersebut untuk melunaskan yuran tuisyen bagi meringankan sedikit beban kewangan ibu bapanya.

"Kini saya hanya ingin tumpukan perhatian terhadap menamatkan program ijazah sarjana muda saya ini dan sekali gus mendapatkan pekerjaan dalam industri kreatif di sini," ujar lulusan Madrasah Wak Tanjong itu.